

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2016

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** nyatakan komposisi pinjaman sewa beli kenderaan dalam jumlah hutang isi rumah bagi tahun 2010 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM1,056 bilion, iaitu 80 peratus daripada sistem perbankan dan 20 peratus daripada institusi kewangan bukan bank. Jumlah tersebut merangkumi 89.1 peratus daripada KDNK pada akhir Jun 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15.1 peratus, iaitu RM159 bilion adalah untuk tujuan sewa beli kenderaan. Komposisi hutang isi rumah mengikut tujuan dinyatakan dengan lebih

kelas dalam jadual seperti berikut :

Komposisi Hutang Isi Rumah mengikut Tujuan							
	Jumlah (%)						
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	Jun-16
Hutang Isi Rumah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Pembelian Harta Kediaman	47.0	46.3	45.8	45.7	47.0	48.6	49.7
Pembelian Harta Bukan Kediaman	6.8	7.1	7.3	7.4	7.5	7.6	7.5
Pembelian Kenderaan Pengangkutan	19.2	18.0	17.5	17.1	16.1	15.5	15.1
Kad Kredit	5.0	4.8	4.4	4.0	3.7	3.5	3.4
Pinjaman Peribadi	14.1	15.4	16.4	16.1	15.4	15.0	15.0
Pembelian Sekuriti	4.6	5.1	5.5	6.3	6.4	6.1	5.7
Lain-lain	3.3	3.3	3.1	3.3	3.9	3.7	3.6